



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA
BADAN KEHAKIMAN MALAYSIA MERAIKAN
HARI HAKIM WANITA SEDUNIA TAHUN 2022**

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mengisytiharkan 10 Mac sebagai Hari Hakim Wanita Sedunia (*'International Day of Women Judges'*), yang merupakan kesinambungan daripada sambutan Hari Wanita Antarabangsa yang telah dijadualkan pada 8 Mac setiap tahun. Objektif sambutan Hari Hakim Wanita Sedunia adalah bertujuan untuk mengiktiraf peranan penting hakim-hakim wanita di seluruh dunia dan menekankan kesaksamaan jantina dan pemerkasaan wanita, termasuk dalam Badan Kehakiman yang sejurusnya menyumbang kepada pencapaian Matlamat Pembangunan Lestari 2030.

Sehubungan dengan itu, buat julung-julung kalinya sambutan Hari Hakim Wanita Sedunia telah diadakan pada 10 Mac 2022 (Khamis) di Istana Kehakiman, Putrajaya. Majlis ini telah dihadiri oleh YAA Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat, Ketua Hakim Negara, YAA Tan Sri Rohana binti Yusuf, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim-Hakim Wanita Mahkamah Persekutuan serta pegawai-pegawai Kehakiman wanita.

Selain itu, seramai 20 orang termasuk Hakim-Hakim Syarie Wanita dari Jabatan Kehakiman Syariah Negeri (JKSN) dan Hakim-Hakim Syarie Wanita dari Mahkamah Syariah Negeri (MSN) serta 3 orang Urusetia Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) juga menghadiri Majlis tersebut.

Melalui sambutan Hari Hakim Wanita Sedunia tahun 2022 ini, Badan Kehakiman Malaysia berharap agar ianya menjadi program tahunan yang diraikan oleh semua Hakim-Hakim Wanita di seluruh Malaysia. Badan Kehakiman Malaysia juga berharap sambutan ini akan dapat memperkasakan kepentingan penglibatan golongan wanita dalam bidang kehakiman dari peringkat Mahkamah bawahan sehingga ke peringkat yang tertinggi sekaligus meningkatkan kesedaran awam mengenai sumbangan wanita-wanita dalam bidang kehakiman.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh:

Pejabat Ketua Pendaftar

Mahkamah Persekutuan Malaysia

Istana Kehakiman

PUTRAJAYA

Tarikh: 10 Mac 2022